

Bonus raya: Terima kasih PM!

SAUDARA PENGARANG.

UCAPAN ribuan terima kasih kepada kerajaan di bawah pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana telah bersetuju memberi sumbangan khas kewangan sebanyak RM450 kepada 1.5 juta kakitangan awam bermula dari Gred 56 dan ke bawah.

Manakala kepada 800,000 pesara kerajaan juga tidak dilupakan kerana mendapat habuan sebanyak RM225 sebagai menghargai jasa bakti mereka dalam perkhidmatan awam selama ini.

Bayaran khas itu dianggarkan memperuntukkan kewangan sebanyak RM855 juta. Bantuan khas tersebut diberikan oleh kerajaan sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri bagi kakitangan awam.

Oleh itu, semua rakyat



SUMBANGAN khas kewangan kepada kakitangan awam diharap dapat membantu membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

terutama kakitangan awam harus mensyukuri setiap nikmat yang diberi oleh kerajaan dan sentiasa berterima kasih sepenuhnya

di atas keprihatinan kerajaan untuk menjaga kebajikan dan kepentingan mereka.

OUI SAL

Tanah Merah, Kelantan